

TEROKAI PERUSAHAAN KARAVAN NADIAH ABAS

Salah satu ciri usahawan yang berjaya adalah individu yang berani mencetuskan satu evolusi baharu tanpa gentar dan yakin. Meskipun berdepan bermacam-macam kritikan kerana perusahaannya yang dijalankan berbeza daripada aliran perniagaan biasa namun bagi Nadiah Abas Industri Permotoran yang diceburinya bersama suami tercinta, Mohd Arne Haffnee Abas mempunyai nilai komersial tersendiri dan mampu memacu trend permotoran terbaharu di Malaysia.

TEKS & PENYELARAS: SUZIANA ABU DAUD KONSEP: AZNIZA AZIZ FOTO: JAZLAN NANGAR SOLEKAN: ANN KARIM

HADIR dalam persalinan korporat serba hitam dan elegan, Nadiah dalam nada ceria tidak mampu menyembunyikan perasaan teruinya untuk berkongsi keunikan produk motorhomes atau karavan yang mula diusahakan pada penghujung tahun lalu. Memandangkan tapak pameran kenderaan ini ditempatkan di perkamparan Kompleks Kumpulan Media Karangkraf, Shah Alam, Nadiah berhasrat mengabdikan potret kejayaannya di sini di samping memperkenalkan Benimar Motorhomes secara lebih dekat kepada pembaca setia Nona.

Jumlah penulis cukup menarik dengan perspektif usahawan muda ini taklaka memaparkan tentang perusahaannya karavan Benimar Motorhomes. Daripada langkah bahasa dan peraturan yang diformalkan Nadiah, terpaut raut wajah penuh minat anak kelahiran Selangor ini terhadap empayar niaga terbaharunya itu. Apatah lagi sebelum membawa masuk kenderaan tersebut ke Malaysia, Nadiah dan suami sudah menjalankan perniagaan sama di bawah syarikat milik mereka, World Travel Ambassador (WTA) Sdn Bhd.

LUXE MOTORHOMES

Mengintai jejak permulaan perniagaan WTA Sdn Bhd, Nadiah yang berasal dari keluarga sederhana dan mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Sekaven 19 Shah Alam serta Sekolah Menengah Sri Andalas, Klang nyaris tidak laka berkongsi petua. Sambil membawa penulis meneroka ruang dan kemudahan yang tersedia dalam karavan model Benimar yang dijual kepada pelanggan, Nadiah mengakui gemar mengembara ke seluruh pelosok dunia dan sudah merancang hia tuju hidupnya sebaik menamatkan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UTM) lagi.

"Sebelum berkiniknik dengan bisnes karavan, kami suami isteri sudah pun mempunyai agensi pelancongan sendiri iaitu WTA Sdn Bhd hampir 11 tahun lalu. Melaui agensi pelancongan tersebut, kami bukannya hanya menawarkan paket percutian saja malah menyediakan khidmat sewaan karavan di New Zealand dan Australia yang dikenali sebagai Alinda Caravan. Ada bermacam-macam jenis karavan yang ditawarkan dengan pelbagai permaidan dan model. Daripada yang mampu memuatkan dua orang penumpang sah sehingga lima orang dalam satu-satu masa semuanya ada disediakan.

Sambutan yang diterima daripada pelanggan di sana memang menggalakan dan berikis tolak dari situ kami menubuhkan sebuah lagi syarikat, WTA Ventures Sdn Bhd pada November 2016. Tujuannya adalah untuk memberi alternatif baru dalam dunia pelancongan domestik. Ramai rakyat Malaysia yang sukakan aktiviti mencabar dan menginap di hotel berkonsep atau boutique hotel. Jadi, kami merealisasikan impian itu dengan meneroka perusahaannya motorhomes.


Bukan itu saja malah WTA Ventures Sdn Bhd juga menjadi sole distributor bagi Benimar Motorhomes di Malaysia yang menjalankan perniagaan menjual dan menyelenggara motorhomes. Bagi merancakkan lagi bidang ini kami akan turut membantu agensi kerajaan mahupun swasta dalam membangunkan industri motorhomes di negara ini."

Biarun baru mencasah usia 34 tahun, percaturan Nadiah untuk memiliki perniagaan sendiri membuahkan hasil dan memberi pulangan menguntungkan. Lebih-lebih lagi apabila dia dan suami mendapat kepercayaan daripada pihak pengurusan Benimar Motorhomes yang berpangkalan di United Kingdom untuk menjadi pengedar sulung di Malaysia.

"Salah satu faktor yang membuatkan saya mencasuri bidang ini kerana perkembangan positif industri karavan atau motorhomes di Malaysia. Kalau diperhatikan waktu ini pihak kerajaan turut menjalankan inisiatif untuk mempernebakkan lagi industri karavan misalnya dengan mewujudkan tempat khas untuk meletak karavan. Malah, baru-baru ini juga negeri Johor telah mengumumkan untuk membina 14 caravan parks di seluruh Johor sehingga tahun 2020. Ketika ini sudah ada dua caravan parks di Johor Bahru dan satu di Natasya Riverside Resort, Gopeng.

Berdasarkan peningkatan industri ini, saya juga menerima banyak permintaan dari resens dan pergadangan taman rekreasi yang berminat untuk memina caravan parks di kawasan mereka. Melihat situasi ini saya yakin industri karavan dapat berkembang maju dan mampu menarik minat individu atau syarikat untuk memiliki motorhomes atau sekurang-kurangnya menyewa perkhidmatan ini. Trend melanda rakyat Malaysia juga kini sudah berubah kerana sudah ramai yang gemar menimba aktiviti kasar dan lebih ekstrem. Sesuai dengan





percutian *motorhome* yang unik dan menjanjikan pengembaraan tanpa batasan," cerita Pengarah Urusan WTA Ventures Sdn Bhd ini yang melabelkan perniagaan karavannya sebagai *Luxe Motorhomes & Caravans*.

CABARAN

Satu daripada keluaran pertama *Luxe Motorhomes & Caravans* yang baru pasaran Malaysia adalah Benimar Mileo *Motorhome* iaitu model terkini dan eksklusif 2017 yang diperincikan dengan spesifikasi terbaharu United Kingdom seperti pemanduan sebelah kanan dan berukuran kurang enam meter yang sesuai dengan struktur jalan raya di Malaysia. Lebih menarik, semua model Benimar mengentengahkan ruang dan hiasan moden sesuai untuk pasangan suami isteri mahupun yang sudah berkeluarga.

Antara peningkatan teknologi dan pemasangan terkini Benimar Mileo yang menggunakan enjin Fiat termasuk struktur lantai PVC yang diperbaharui, penjimatan tenaga LED yang rendah, kesiediaan panel solar, pendingin hawa, kawalan pemanduan bebas (*cruiise control*) dan paparan skrin sentuh navigasi satelit. Terpakat dengan kepupayaan usahawan terkenal dunia, Richard Branson menguasai perniagaan dalam pelbagai bidang, Nadiyah menjadikan kejayaan Richard sebagai suntikan semangat dan membulatkan nekad untuk terus mengejar cita-citanya bergelar usahawan berjaya kelak.

Menyedari ia bukanlah satu tugas mudah, pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruan Pengurusan Pelancongan ini bersedia mendepan apa jua rintangan. "Cabaran paling utama yang harus saya tempuh waktu ini adalah untuk memperkenalkan konsep pemilikan *motorhomes* di Malaysia. Sama ada untuk kegunaan peribadi atau perniagaan. Memang ramai yang telah tahu apa itu *motorhomes* dan menyimpang impian untuk memilikinya tetapi hasrat mereka terbantut kerana beberapa faktor seperti kemudahan fasiliti sepanjang perjalanan dan tiada ruang penyimpanan khas untuk *motorhomes* ini.

Kekurangan fasiliti di Malaysia antara cabaran besar dan seharusnya caravan *park* perlu ada di setiap negeri agar memudahkan pemilik *motorhomes* meletakkan kenderaan ketika berhenti rehat sebelum meneruskan perjalanan. Sebagai pelopor industri ini kami harus bergerak dengan agresif untuk memberi pendidikan kepada orang ramai tentang konsep percutian yang kami kembangkan ini supaya ia terus relevan di negara kita."

Ditanya apakah strategi yang dipraktikkan ke arah usaha itu Nadiyah menjelaskan, "Kami akan memperhebatkan promosi melalui rangkaian media sosial, ekspos dan *roadshow* sama ada yang dianjurkan oleh WTA Ventures Sdn Bhd sendiri mahupun agensi terlibat. Dengan cara ini kami yakin dapat menarik minat masyarakat untuk kembali memasang niat membeli *motorhomes*. Selain itu, kami juga akan mengeluarkan blog percutian

untuk berkongsi pengalaman kami mengembara ke seluruh Malaysia dengan menaiki *motorhomes*.

Dengan adanya *motorhomes*, anda bukan sekadar dapat mengembara bersama keluarga dan rakan-rakan dalam Malaysia saja tetapi hingga ke Thailand dan seterusnya ke China! Di samping mempraktikkan strategi sedemikian, kami juga telah merangka perancangan masa panjang iaitu untuk menjadikan WTA Ventures Sdn Bhd sebagai pusat sehenti bagi *motorhomes* di Malaysia dengan menawarkan 3S centre iaitu *sales, service* dan *spare parts* kepada pemilik kenderaan termasuk khidmat rundingan kepada mereka."

KELUARGA

Selaku wanita berkerjaya yang juga isteri serta ibu kepada tiga cahaya mata, Nadiyah tidak memandang perian berbeza tersebut sebagai bebanan. Sebaliknya mengangap ia pakej sempurna bagi seorang wanita yang dikurniakan Allah SWT rezeki pekerjaan, nikmat berumah tangga dan keberkatan untuk memiliki zuriat. Meskipun jadual hariannya padat dengan urusan perniagaan, Nadiyah enggan menjadikan kesibukan sebagai alasan untuk menahakutkan waktu berkualitas bersama suami dan anak-anak.

"Tugas saya sebagai usahawan sebenarnya agak mencabar terutamanya untuk membahagikan masa di antara kerjaya dan keluarga. Setiap kali pulang ke rumah, pasti akan terkenang kerja yang belum selesai dan dalam masa sama kena jaga anak, memasak dan sebagainya. Apatah lagi perniagaan ini diusahakan bersama suami. Walaupun masing-masing ada tanggungjawab sendiri, saya tetap akan selalu pasti anak-anak diberi perhatian secukupnya termasuk memantau pelajaran mereka. Begitu juga makan minum dan pakatan."

Biasanya, kerja-kerja di pejabat saya akan selesaikan selepas anak-anak tidur. Rutin wajib yang perlu dilakukan sebelum anak-anak tidur ialah meluangkan masa bersama mereka di bilik tidur kerana pada waktu inilah anak-anak selalu bercerita tentang hari yang mereka lalui di sekolah dan impian mereka. Selain anak-anak, mempunyai pasangan yang memahami kerjaya isteri juga sangat penting dalam sesebuah perkahwinan.



Alhamdulillah, suami tidak pernah berhenti beri sokongan dan banyak membantu ketika saya 'outstation' atau masih berada di luar rumah sehingga lewat malam untuk berjumpa kenalan atau pelanggan. Bila ada saja masa terluang, aktiviti yang sering kami lakukan adalah pergi bercuti bersama-sama. Tak kiralah dekat dalam atau luar negara asalkan dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Anak-anak kami juga sejak dari kecil lagi sudah didedahkan dengan adab dan budaya masyarakat luar supaya mereka lebih bersikap terbuka, memahami kehidupan orang lain dan mengadaptasi apa yang dipelajari sepanjang percutian," terang Nadiyah sebelum mengakhiri perbualan. ♦